



1 jam 15 minit

Kertas Model UASA 4



50

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 “_____ sangat bersyukur kerana ramai tetamu yang hadir dalam majlis perkahwinan anak saya ini,” ucap Puan Sazlinah.
- A Saya
 - B Kamu
 - C Kalian
 - D Baginda
- 2 Amir _____ seorang nenek yang sedang berjalan perlahan melalui jejantas berdekatan dengan jalan raya yang sibuk itu.
- A menolak
 - B membantu
 - C menuntun
 - D memegang

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- A Cara hidup sihat hendaklah kita amalkan sejak usia muda lagi.
 - B Gotong-royong itu disertai kepada seluruh penduduk kampung.
 - C Rumah besar pada atas bukit itu dimiliki oleh Tuan Ahmad dan waris keturunannya.
 - D Di kalangan guru, Cikgu Ravi sangat digeruni oleh para murid kerana ketegasannya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Satu kejadian kebakaran telah berlaku pada tengah hari tadi di Kampung Bunga Raya. Sebuah rumah papan dua tingkat telah hangus terbakar. Lokasi kampung yang terletak jauh dari bandar membuatkan pihak bomba mengambil masa yang agak lama untuk tiba.

Jiran-jiran telah berusaha membantu mangsa dengan menyimbah air ke rumah tersebut tetapi sumber air tidak mencukupi. *Malapetaka* ini tidak mengorbankan nyawa tetapi memusnahkan harta benda.

Menurut keluarga yang terlibat, kebakaran berpunca daripada salah seorang anak mereka yang bermain dengan api mancis yang membakar langsir tanpa sengaja. Sebarang bantuan boleh disalurkan terus kepada keluarga yang terlibat.

- 4 Mengapakah kebakaran itu tidak dapat dikawal?
- A Sumber air tidak mencukupi.
 - B Langsir rumah telah terbakar.
 - C Rumah terletak di tengah-tengah hutan.
 - D Tidak ada sesiapa yang menghubungi pihak bomba.
- 5 Perkataan sinonim dengan perkataan *malapetaka* berdasarkan petikan ialah
- A musibah.
 - B kejadian.
 - C peristiwa.
 - D panorama.
- 6 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
- A Sebuah rumah papan dua tingkat telah hangus terbakar.
 - B Musibah tersebut telah berlaku di Kampung Bunga Raya.
 - C Litar pintas merupakan punca kebakaran tersebut berlaku.
 - D Jiran-jiran telah berusaha memberikan pertolongan namun tidak berjaya.


Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

PERTANDINGAN MENULIS SAJAK BERTEMAKAN GURU IBARAT LILIN

Dapatkan
borang penyertaan
dengan segera!



Tarikh tutup
penyertaan:
10 Mei 2024

Hadiah menarik akan disampaikan kepada pemenang
pada Hari Guru, iaitu 16 Mei 2024.

Bahan 2

Hari Guru yang disambut pada setiap tahun, iaitu pada 16 Mei adalah untuk menghargai dan mengingati jasa para guru. Mereka telah mencurahkan bakti dan menabur ilmu kepada murid-murid.

Guru diibaratkan seperti sebatang lilin yang membakar diri demi menerangi kehidupan orang lain. Tugas mendidik merupakan satu tugas yang mencabar dan tidak semua orang sanggup melaksanakan tugas ini.

Kejayaan kita pada hari ini bermula dari sekolah. Guru merupakan individu yang telah menjalankan amanah untuk mendidik kita. Walaupun guru-guru tidak mengharapkan agar jasa mereka diingati namun kita perlu meraikan dan menghargai segala pengorbanan mereka.

- 7 Mengapakah tugas sebagai guru amat mencabar?
- A Kerana mereka sanggup membakar diri
 - B Guru banyak membuang masa demi murid-murid
 - C Kerana mereka perlu mengajar di kawasan pedalaman
 - D Mendidik bukanlah satu tugas yang mudah untuk dilakukan
- 8 Perkataan antonim bagi perkataan *kejayaan* dalam **Bahan 2** ialah
- A kesedihan.
 - B kegagalan.
 - C kegembiraan.
 - D kemenangan.

- 9 Tugas mendidik merupakan satu tugas yang mencabar dan tidak semua orang sanggup melaksanakan tugas ini.

Apakah **kata kerja** yang terdapat dalam ayat di atas?

- A dan
 - B orang
 - C sanggup
 - D mendidik
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
- A Jasa para pendidik hendaklah kita hargai.
 - B Tugas guru bukanlah satu tugas yang sukar.
 - C Kejayaan kita berpunca daripada diri kita sendiri.
 - D Tugas mendidik boleh dilakukan oleh semua orang.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap hari, ibu akan memberikan RM5 kepada Laila. Laila menyimpan RM2 di dalam tabung dan hanya membelanjakan RM3 sahaja. Laila hanya perlu membeli makanan kerana dia sentiasa membawa air minuman dari rumah.

Setiap bulan, wang yang terkumpul akan dimasukkan oleh Laila ke dalam bank. Sikap suka menabung ini sudah diterapkan oleh ibu dan ayah sejak dia di sekolah rendah lagi.

Tabungan Laila sudah mencecah RM1 000. Dia masih meneruskan sikapnya yang suka berjimat cermat. Dia teruja untuk melihat jumlah tabungannya selepas 10 tahun.

- (a) Laila menyimpan wang di dalam tabung sebelum menyimpannya ke dalam _____ [1 markah]

- (b) Apakah dua nilai murni yang diamalkan oleh Laila?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (c) Gariskan **kata kerja** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Setiap hari, ibu akan memberikan RM5 kepada Laila.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tulis (**BETUL**) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Dia teruja untuk melihat jumlah tabungannya selepas 10 tahun.

Selepas 10 tahun, dia teruja untuk melihat jumlah tabungannya.

Selepas 10 tahun, jumlah tabungannya teruja untuk melihat dia.

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Ketika sedang berjoging di sebuah tasik, Weh Kong ternampak seorang budak lelaki melekatkan gula-gula getah di atas kerusi taman dengan sengaja. Ibu bapa kanak-kanak itu melihat perbuatan anak mereka tetapi hanya membiarkannya.


Sekiranya kamu dalam situasi Weh Kong, apakah yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang perbezaan antara buah tempatan dan buah import. Tulis pendapat kamu tentang perbezaan antara buah tempatan dan buah import. Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



[10 markah]

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Pertandingan Mencipta Robot Mini



1 Tulis surat kiriman rasmi berdasarkan bahan grafik di atas.

ATAU

2 Tulis sebuah karangan keperihalan berdasarkan bahan grafik di atas.
